



**PESERTA** kursus bersama para fasilitator selepas penutup kursus imam muda China, di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

# Kursus Imam China di USIM

Oleh SITI MAIZATUL AKMAR

**I**SLAM adalah agama yang diturunkan untuk manusia sejagat. Tidak ada batas keturunan atau had geografi yang boleh menghadkan manusia daripada memeluk agama suci ini.

Demikian juga dengan kata-kata athar, "tuntutlah ilmu walau ke negeri China".

Begitulah antara keistimewaan Islam. Allah telah menetapkan bukan warna kulit atau keturunan sebagai penentu baik buruknya seseorang itu tetapi ia ditentukan oleh tahap ketakwaan.

Menyedari bahawa maha luasnya ilmu pengetahuan yang ada dan betapa sedikitnya ilmu yang kita miliki, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan menjadi tuan rumah kursus Imam Muda Negara China kali yang ketiga.

Kursus mulai 13 Oktober hingga 7 November lalu itu diadakan dengan kerjasama Persatuan Cina Muslim Malaysia (Macma).

Sebenarnya, kursus itu dijalankan selama enam bulan di beberapa Institut pengajian tinggi awam tempatan iaitu Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Darul Iman, Kolej Universiti Insaniah (KUIN) dan destinasi terakhir adalah USIM. Seramai 29 peserta Imam Muda Negara China diraikan.

Antara matlamat kursus adalah melahirkan golongan imam dari China yang mampu menguasai bahasa Arab dan ilmu-ilmu Islam dengan baik di samping melahirkan golongan imam dari China yang berketerampilan dan berdaya saing.

USIM dipilih kerana dilihat mampu memberi kursus yang amat berkesan



**TIMBALAN** Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Asin Dollah (empat dari kiri) beramah mesra dengan para imam dari China.

kepada imam-imam muda negara tersebut. Selain itu bahasa perantaraan USIM iaitu bahasa Arab dan Inggeris memberi kelebihan untuk dikongsi bersama dengan peserta-peserta kursus.

Kursus-kursus yang diajarkan sepanjang tempoh tersebut adalah *Principle of Islamic Law-Usulfiqh & Fiqh, The Concept of Knowledge in Islam, Muslim Morality, Islamic Aqidah dan Islamic Contemporary World*.

Sebelum ini pada tahun 2006 dan 2007, USIM telah berjaya menganjurkan kursus selama sebulan untuk imam-imam muda Negara China.

Pengerusi Macma Selangor, Danial Hakim Boey berkata, kebanyakan

peserta berasal dari Gangsu, Yunnan, Jiang Xi dan lain-lain.

Rata-rata peserta berumur 22 hingga 44 tahun dan ada yang sudah berkahwin dan kebanyakan mereka bekerja sebagai imam di masjid, pengetua kolej dan penterjemah bahasa Arab.

"Ada di antara mereka merupakan lepasan pelajar dari Mesir, Pakistan dan Syria. Kedatangan mereka ke Malaysia bukan sahaja untuk mempelajari ilmu agama, tetapi lebih kepada jalinan ukhuwah sesama umat Islam dan mencari peluang untuk jalinan kerjasama," katanya yang pegawai pengiring peserta kursus.

**Ada di antara mereka merupakan lepasan pelajar dari Mesir, Pakistan dan Syria. Kedatangan mereka ke Malaysia bukan sahaja untuk mempelajari ilmu agama, tetapi lebih kepada jalinan ukhuwah sesama umat Islam dan mencari peluang untuk jalinan kerjasama**

Menurut Danial lagi, di China, agama Islam dapat diterima ramai dan mereka bebas mengerjakan ibadat tanpa ada sekatan dari mana-mana pihak.

"Pemilihan USIM sebagai tempat untuk mempelajari ilmu agama dirasakan sangat bersesuaian dengan suasana yang damai di samping dapat mempelajari bahasa Arab," jelasnya.

Sementara itu, penyelaras untuk kursus Imam Muda Negara China ini, Mushaddad Hasbullah berkata, silibus untuk program yang diadakan setiap tahun ini adalah sama tetapi akan ada penambahan dalam pengisian dari semasa ke semasa.

"Antara penambahbaikan ialah kita mengadakan lawatan, bersukan dan sebagainya," katanya yang juga pensyarah kanan Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM.